

27/02/1997

Rakyat digesa bersedia hadapi perubahan

KUALA LUMPUR, Rabu - Rakyat tidak boleh memencilkan diri atau cuba menghalang kemaraan era teknologi maklumat yang begitu pantas, sebaliknya perlu mempersiapkan diri bagi menghadapi perubahan itu bagi menyelamatkan diri daripada ancaman.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerana itu, Malaysia tidak mempunyai pilihan selain mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi mempertahankan kedudukannya pada masa depan.

Kerajaan mengambil berat terhadap pewujudan MSC yang serba canggih itu kerana dalam zaman teknologi ini, rakyat tidak lagi dapat disekat daripada menerima pelbagai maklumat walaupun menyedari projek besar seperti itu berisiko tinggi.

"Dalam zaman maklumat ini, perenggan atau pun sempadan antara negara tidak bermakna lagi. Kita tidak boleh sekat kemasukan maklumat dengan mengadakan tentera di sempadan umpamanya. Maklumat ini datang melalui angkasa dan kita tidak mungkin menghalang penerimaan maklumat ini oleh rakyat Malaysia.

"Justeru itu, kita tidak ada pilihan sebenarnya. Kita terpaksa mencari jalan supaya maklumat ini dapat ditangani oleh kita dengan cara yang tidak memburukkan keadaan. Ini menyebabkan kita mengambil berat mengenai MSC, supaya kita dapat manfaat sepenuhnya," katanya.

Beliau membincangkan secara panjang lebar mengenai teknologi maklumat dan MSC dalam program wawancara 'Bersama Perdana Menteri' dengan ahli panelnya, Ketua Pengarah Kumpulan Utusan, Johan Jaafar dan Penolong Pengarang Kumpulan New Straits Times, Ahmad Talib, yang disiarkan melalui TV1 malam ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan ketinggalan serta dihina dan ditindas oleh orang lain pada masa depan jika rakyatnya enggan mengambil berat terhadap pembentukan MSC. Sebaliknya penyertaan Malaysia di bidang itu akan mewujudkan masyarakat yang bermaklumat.

Sehubungan itu, semua rakyat harus mempersiapkan diri bukan sahaja di segi prasarana dan fizikal, tetapi juga mental bagi menghadapi teknologi hebat itu. MSC membentuk rancangan untuk menangani masalah perubahan dari zaman industri kepada zaman teknologi maklumat yang bukan semua orang faham mengenainya.

Bagaimanapun, sebelum ia dilaksanakan ke seluruh negara, satu percubaan yang terkawal di kawasan yang kecil perlu dilakukan dulu bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya bahaya.

Sebuah kawasan yang seluas 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang antara Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dipilih untuk percubaan itu.

"Melalui percubaan membabitkan semua aspek teknologi maklumat ini, kita akan dapat mengetahui bentuk kebaikan, keburukan dan cara mana kita dapat mencegah yang buruk dan membenarkan yang baik," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu menggunakan teknologi ini untuk mengurangkan keperluan kakitangan bertambah dan memudahkan proses berhubung dengan orang ramai yang menggunakan khidmat kakitangan awam.

Kewujudan MSC turut memberikan peluang kepada Malaysia menjadi dominan dalam soal multimedia di samping membuktikan negara ini lebih baik berbanding negara jiran dalam konteks berkenaan.

"Jika kita tidak mengambil peluang ini, kita akan membiarkan mereka jauh ke depan. Kemudian untuk mengejar mereka menjadi perkara yang susah. Ini

satu peluang yang kalau kita tertinggal, tidak akan ada lagi," katanya.

Menurutnya, semua orang mesti bersiap sedia memasuki era maklumat yang canggih dan kerana itu, Malaysia perlu memulakannya dan pada satu masa nanti, semua orang akan ada komputer dalam poket.

Mengenai sambutan menggalakkan pelabur asing terhadap MSC, Dr Mahathir berkata usaha Malaysia ke arah itu menepati kehendak mereka kerana MSC menyediakan kawasan, undang-undang dan prasarana mencukupi.

"Sebab itu mereka begitu seronok sekali dengan MSC. Di negara lain, mereka cuma kata kamu akan pasang kabel. Kabel saja tak cukup, undang-undang tak ada, dasar tak ada, sikap pegawai kerajaan tidak ditentukan. Kita buat semua `on a broad front'. Sebab itu, mereka menyambut baik," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun menolak dakwaan kononnya kerajaan menjadikan orang Melayu sebagai korban apabila sebahagian tanah mereka diambil untuk tujuan pembangunan itu.

"Kita tidak rampas harta benda orang. Kalau kita ambil, kita bayar pampasan dan kadang-kala pampasan itu begitu tinggi sekali.

"Tanah yang mereka beli dengan harga RM500 bagi 0.4 hektar, kini dijual dengan harga antara RM250,000 hingga RM500,000. Apakah itu ketidakadilan. Ini bermakna kita memperkayakan mereka. Tetapi, terpulanglah kepada mereka bagaimana hendak menggunakan wang yang mereka peroleh itu," katanya.

(END)